



PURDAH – MANIFESTASI *DOUBLE STANDARD* BARAT

“Purdah bertentangan dengan harga diri wanita, jadi kita perlu mengharamkannya dan kerajaan akan merangka undang-undang larangan itu”. Itulah ikrar Presiden Perancis, Nicolas Sarkozy mengakhiri sikap berdiam dirinya mengenai isu apa yang harus dilakukan terhadap *niqab*, *burqa* dan pakaian menutup muka yang lain. Sarkozy sebelum ini hanya menyatakan bahawa *niqab* (purdah) melambangkan penindasan ke atas wanita dan ‘tiada tempat’ di Perancis, lapor The Times. Sementara itu di Britain, ahli Parlimen, Philip Hollobone, menyifatkan wanita yang memakai *burqa* sama seperti mereka yang menyarungkan beg kertas di kepala yang mempunyai dua lubang untuk mata, ketika perbahasan di Parlimen [BH 27/03/10]. Bukan sahaja Perancis, beberapa negara lain turut memberi reaksi yang lebih kurang sama. Misalnya di Belanda yang merupakan negara terawal, bukan sahaja telah mengharuskan pemakaian *niqab* di sekolah-sekolah kerajaan, malah pengguna pengangkutan awam tidak terkecuali. Apa yang lebih memeranjatkan kita adalah reaksi beberapa tokoh umat Islam itu sendiri mengenai perkara ini. Terdapat beberapa tokoh terkenal yang bergelar ‘ulama’, namun menyokong usaha Barat ini, yang jelas terlihat dari komen mereka yang senada dengan apa yang dikehendaki oleh kuffar Barat. Antaranya adalah seorang cendekiawan Islam di Britain, Dr Zaki Badawi yang mengeluarkan fatwa meminta wanita Islam tidak memakai hijab dan *niqab* sekiranya menimbulkan permusuhan di kalangan penduduk tempatan [BBC NEWS]. Pandangan yang sama pernah diluahkan oleh arwah Syeikh Al-Azhar, Muhammad Sayyed Tantawi yang turut dipersetujui oleh beberapa orang ulama politik di Malaysia. Yang lebih ironinya, Syeikh Al-Azhar tersebut pernah memerintahkan seorang penuntutnya menanggalkan hijab atau *niqabnya*.

Dalam respons mereka yang senada dengan Barat, bermacam-macam alasan yang dilontarkan oleh tokoh Islam ini terhadap *niqab* seperti mengatakan kita mesti patuh kepada undang-undang negara yang kita diami, *niqab* adalah adat lama orang Arab, *niqab* ini adalah perkara *khilafiah* yang perlu mengikut suasana semasa untuk memakainya atau tidak dan sebagainya lagi. Sebagai Muslim, kita tidak sepatutnya membincangkan persoalan *niqab* dari perspektif yang dikehendaki Barat seperti sama ada ia sesuai dengan zaman atau tidak, mendiskriminasi wanita atau tidak, boleh menjejaskan keselamatan atau seumpamanya. Dalam memutuskan cara seseorang Muslimah berpakaian, kita hanya dituntut melihat kepada nas semata-mata, bukan yang lainnya. Insya Allah kali ini kami akan cuba menjelaskan perkara ini berdasarkan nas yang kuat yang kami (Hizbut Tahrir) pegang dalam masalah ini dan apakah reaksi yang sewajarnya kita ambil terhadap negara kuffar yang tidak habis-habis ingin memadamkan cahaya Allah ini.

Purdah, Wajibkah?

Sebahagian dari kaum Muslimin mengatakan bahawa purdah (*niqab*) adalah suatu kewajiban (*fardhu*) berdasarkan tuntutan dari firman Allah SWT, “*Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka mintalah dari belakang tabir.*” [TMQ al-Ahzab (33):53]. Menurut golongan yang mewajibkan *niqab*, ayat ini menunjukkan adanya *qarinah* (penunjukan) kewajiban menutup wajah dan tapak tangan ke atas seorang perempuan. Ini juga merupakan contoh dari perbuatan isteri-isteri Rasulullah SAW yang tidak memperlihatkan diri (wajah) ketika berhadapan dengan para sahabat. Maka kerana itu purdah adalah wajib menurut mereka. Di dalam kitabnya *Nizamul Ijtima’ie Fil Islam*, Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani yang merupakan pendiri Hizbut Tahrir menjelaskan kekeliruan pendapat ini dengan tiga hujah utama.

Pertama; kedudukan wajah dan dua telapak tangan bagi wanita bukan merupakan aurat. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT, “*Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) tampak darinya.*” [TMQ an-Nur (24):31]. Apa yang di maksudkan dengan “*janganlah mereka menampakkan perhiasannya*” adalah “*janganlah mereka menampakkan tempat-tempat (anggota tubuh) yang di situ dikenakan perhiasan.*” Selanjutnya, maksud “*kecuali yang (biasa) tampak darinya*” adalah anggota tubuh yang boleh dinampakkan iaitu wajah dan kedua telapak tangan. Demikianlah pendapat sebahagian sahabat, seperti Ibnu Abbas, Ibnu Umar dan juga Aisyah. Ibnu Jarir Ath-Thabari juga menjelaskan dalam kitab tafsirnya, Jami Al-Bayan fi Tafsir Al-Qur’an Juz XVIII ms 84, mengenai perkara di atas. Jadi, “*apa yang biasa tampak darinya*” adalah bermaksud wajah dan dua telapak tangan sebab kedua anggota tubuh inilah yang biasa tampak dari kalangan Muslimah di hadapan Nabi SAW sedangkan baginda mendiampkannya. Kedua-dua anggota tubuh ini pula juga yang tampak dalam ibadah-ibadah seperti haji dan solat serta biasa tergambar di masa Rasulullah SAW iaitu di waktu masih turunnya ayat-ayat Al-Qur’an.

Kedua; dalil ini (Al-Ahzab:53) tidak sewajarnya digunakan dalam membincangkan hukum Muslimah menutup wajah. Ini adalah kerana dalil tersebut hanya ditujukan kepada isteri-isteri

Rasulullah SAW secara khusus. Di dalam Al-Quran, memang terdapat beberapa ayat yang menyentuh hukum-hukum khusus berkaitan kehidupan rumah tangga Rasulullah dan para isteri baginda, salah satunya ialah ayat tersebut yang mengandungi frasa “*dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah-laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, wahai ahlul bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.*” Ayat ini menerangkan bahawa isteri-isteri Rasulullah SAW diperintahkan untuk menjalankan apa yang diperintah kepada mereka (tetap di rumah mereka) agar mereka dibersihkan daripada kotoran dan disucikan, kerana mereka adalah termasuk *ahlul bait* (keluarga) Rasulullah.

Inti ayat-ayat yang disebutkan di atas secara jelas ditujukan khusus kepada isteri-isteri Rasulullah SAW sepertimana yang tercantum dalam ayat itu sendiri yang berbunyi, “*Wahai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah sama dengan wanita-wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan ucapkanlah perkataan yang baik.*” Ketiga-tiga ayat dalam surah al-Ahzab (ayat 32, 33 dan 53) dengan jelas ditujukan khusus kepada isteri-isteri Rasulullah dan tidak ada *qarinah* di dalamnya yang mewajibkan hal yang sama ke atas para Muslimah selain mereka.

Ketiga; di dalam perbahasan kewajiban menutup wajah ini, ia tidak termasuk di dalam kaedah “*al-Ibratu bi umumil lafzi laa bi khushushil sabab*” (jatuhnya hukum ditentukan oleh umumnya lafaz, bukan oleh khususnya sebab). Ini kerana, di dalam konteks perbahasan ini, hukum tersebut turun sebagai nas khusus untuk orang-orang tertentu dan bukannya turun kerana sesuatu ‘peristiwa’ seperti kebiasaan di dalam ayat-ayat Al-Quran yang dikaitkan dengan peristiwa *asbabun nuzul*.

Hizbut Tahrir memandang bahawa pendapat yang mengatakan bahawa hijab (purdah) adalah diwajibkan terhadap wanita dan mereka wajib mengenakannya untuk menutup keseluruhan wajah mereka kecuali matanya, adalah pendapat yang Islami. Dan pendapat yang mengatakan bahawa hijab (purdah) adalah tidak

diwajibkan ke atas wanita secara mutlak kerana wajah dan kedua telapak tangannya bukanlah aurat, juga merupakan pendapat yang Islami. Namun pendapat yang *rajih* (kuat) yang dipegang oleh Hizbut Tahrir dalam hal ini adalah hukum memakai niqab ke atas Muslimah adalah *mubah* (harus). Namun dalam hal ini kita tidak boleh memaksa orang lain mengikut pendapat kita selama mana mereka meyakini bahawa pendapatnya benar. Tugas kita adalah menerangkan nas-nas dan pendapat yang terkuat mengenainya dan bukannya memaksa seseorang membuka niqab mereka [Sila baca penjelasan yang panjang lebar dan menyeluruh di dalam kitab *Nizamul Ijtima'ie Fil Islam*].

Walaupun wujudnya perselisihan di kalangan ulama dalam hal ini, namun kaum Muslimin tidak seharusnya bersepakat dan bersetuju dengan suara atau usaha puak kuffar untuk mengharamkan purdah. Mengharamkan suatu yang diharamkan oleh Allah merupakan suatu kemaksiatan dan perbuatan *fahsya'* (keji) di sisi Allah. Oleh itu, umat Islam hendaklah tidak terjebak sehingga boleh bersetuju dengan puak kuffar di dalam usaha mereka untuk mengharamkan apa yang Allah telah halalkan.

Kebebasan Peribadi, Maruah Wanita dan Double-Standard Barat

Jika kita meneliti kata-kata Sarkozy, "*purdah bertentangan dengan harga diri wanita*" dan Cope, salah seorang calon pengganti Sarkozy berhaluan kanan yang berkata, "*Kita boleh mengukur kemodenan masyarakat menerusi caranya melayan dan menghormati wanita*", sungguh kita merasa pelik dengan kedua-dua kenyataan ini! Apakah layanan dan harga diri seseorang wanita itu dikatakan tinggi dengan membenarkannya telanjang di khalayak ramai, sebagaimana yang berlaku di Perancis dan lain-lain negara Barat? Siapapun yang ada mata telah dan sedang menyaksikan keruntuhan moral masyarakat Barat yang begitu dahsyat. Statistik mengenai perkara ini tersiar dan dapat disaksikan di seluruh dunia. Angka perkahwinan sah (*legal marriage*) di Barat semakin menurun yang membawa erti bahawa masyarakat lebih cenderung melakukan hubungan seks di luar nikah dan ini bukan merupakan hal yang baru. *American Newsweek* edisi Januari 2003 menyatakan, "lebih dari separuh anak yang dilahirkan di Sweden dimiliki oleh pasangan yang tidak pernah berkahwin".

Di Perancis dan Britain pula, angka ini menjangkau 30%. Manakala di Amerika, tingkat kehamilan di luar perkahwinan lebih dari dua kali ganda berbanding negara-negara Barat lainnya. Berdasarkan laporan dari *News And World Report*, lebih dari sejuta anak gadis Amerika yang mengandung dan 75% adalah tanpa nikah. Dari jumlah tersebut, 80% adalah ibu-ibu muda yang miskin dan memerlukan bantuan dari pihak pemerintah. Pusat penelitian ini juga mendapati bahawa ketika ini, setiap dua orang anak yang lahir di Amerika, satu darinya adalah anak hasil hubungan zina. Itu belum termasuk jumlah anak (kandungan) yang digugurkan.

Meningkatnya keruntuhan moral di Barat diiringi pula dengan meningkatnya kes kekerasan seksual seperti kes-kes rogol. Di Amerika sahaja, setiap tahun lebih dari 700 ribu wanita telah dirogol. Lembaga penelitian RAINN dalam laporannya menyatakan, "Dari setiap enam orang wanita di Barat, seorang darinya adalah mangsa rogol". Lembaga ini juga menyingkapkan realiti yang lebih pahit, iaitu bahawa 40% dari pemerkosaan tersebut dilakukan di dalam rumah dan sebahagian besarnya dilakukan oleh ahli keluarga terdekat, 20% di kawasan kejiranan, rakan atau saudara, dan 25% lagi di lokasi umum. Dan kesemua angka-angka kejahatan akhlak dan jenayah terhadap wanita ini semakin meningkat saban tahun. Inikah ketinggian taraf dan layanan hebat yang yang dikehendaki dan diberikan oleh kuffar Barat terhadap wanita? Pemimpin Barat begitu berbangga dengan kebebasan peribadi (*personal freedom*) yang dijunjung mereka dan mereka menyatakan bahawa mereka telah 'memuliakan' wanita dengan kebebasan ini. Nah! Data-data di atas memperlihatkan hasil 'kemuliaan' yang telah mereka berikan ke atas wanita selama ini!

Ini dari satu sudut. Dari sudut yang lain, pemimpin Barat ini kononnya begitu menghormati kebebasan peribadi ke atas setiap orang sehingga seseorang wanita itu dibenarkan berpakaian dengan cara mana sekalipun mahupun langsung tidak berpakaian di khalayak ramai, selama mana seseorang itu tidak mengganggu kebebasan orang lain. Namun apabila wanita-wanita Islam ingin memakai purdah yang juga langsung tidak pernah mengganggu orang lain, tiba-tiba hal ini ingin diharamkan oleh mereka! Inilah bukti hipokrisi dan *double standard* Barat serta kebencian mereka kepada Islam! Mereka boleh membenarkan *sisters* dan *nun* (paderi perempuan) untuk memakai tudung dan jubah mengikut agama mereka, namun apabila seorang perempuan Islam ingin mengenakan tudung dan jubah mengikut agama Islam, kuffar Barat ini terus ingin menghalang, mempersoalkannya dan berusaha mengharamkannya.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Sudah banyak kali Perancis menyatakan dengan jelas kebiadapan mereka terhadap hukum Islam, namun nampaknya para pemimpin umat Islam terus berdiam diri, malah ada yang menyokongnya!!! Sebagai sebuah parti politik Islam, memanglah Hizbut Tahrir tidak mempunyai kekuatan sebagai sebuah negara untuk melawan kebiadapan Barat ini, namun Hizbut Tahrir telah mengingatkan kerajaan Perancis bahawa suatu ketika dahulu pemimpin negara mereka pernah diselamatkan oleh Khalifah dari tawanan musuh mereka. Sekitar 500 tahun dahulu (abad ke-16), kita (umat Islam) telah memberikan layanan yang baik kepada Perancis dan Perancis mengembalikan layanan yang sama. Kita cuba menaruh harapan bahawa Perancis hari ini mengambil pendekatan yang pernah diambilnya dahulu. Hizbut Tahrir telah pun menghantar surat kepada kerajaan Perancis mengingatkan mereka akan peristiwa penangkapan raja mereka, Francis I di dalam peperangan Pavia pada tahun 1525. Ketika itu, Perancis benar-benar merasa terhina dengan penawanan raja mereka dan tentera mereka telah gagal membebaskan raja mereka dari tawanan. Mereka lalu meminta pertolongan dari Daulah Khilafah (Uthmaniyah) di mana seorang utusan telah dihantar bagi pihak raja Perancis untuk menemui Khalifah pada 6 Disember 1525. Utusan tersebut telah menemui Khalifah Sulaiman al-Qanuni dan sang Khalifah telah menyetujui permohonan utusan tadi.

Khalifah yang hebat itu menulis surat kepada raja Perancis yang berbunyi, "*Kami telah menerima surat yang diberikan oleh utusan kamu di mana kamu menyatakan bahawa musuh kamu telah menyerang negara kamu dan kamu telah ditawan dan meminta pertolongan kami untuk membebaskan kamu dari tawanan. Kami dengan ini menerima permohonan kamu dan bersukacitalah dan jangan bimbang*". Daulah Khilafah lalu menggunakan pengaruhnya di peringkat internasional dan mengerahkan kekuatan tentera untuk menyelamatkan raja Perancis. Khalifah Sulaiman telah menyelamatkan Perancis tanpa apa-apa bayaran dan tanpa meminta mana-mana tanah di Perancis sedikit pun sebagai imbalan. Sang Khalifah telah melakukannya sebagai satu tindakan persahabatan. Malah Perjanjian Constantinople yang ditandatangani pada tahun 1536 di antara Khalifah Sulaiman dan raja Perancis, telah memberikan Perancis konsesi di dalam Daulah Islam yang tidak pernah diberikan kepada mana-mana negara sebelum itu. Kami (Hizbut Tahrir) telah pun mengingatkan Perancis agar mereka ingat dan hayati kembali akan kebaikan yang telah diberikan oleh Daulah Khilafah kepada mereka suatu ketika dahulu, dan dengan itu mereka menghentikan usaha jahat mereka untuk mengharamkan niqab ke atas Muslimah-muslimah kita di negaranya. Kita tunggu dan lihat apakah reaksi mereka seterusnya. Jika mereka tetap berdegil ingin memaksakan hukum kufur mereka ke atas umat Islam, maka Insya Allah bila Daulah Khilafah kembali berdiri dalam waktu terdekat nanti, maka mereka akan pasti merasakan kekesalan yang tidak berkesudahan.

Wallahu a'lam.